

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

SOALAN NO. 153

DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh pihak Kementerian kepada sekolah-sekolah persendirian pada tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2019 ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama persendirian (SAP) dan sekolah agama negeri (SAN) yang berdaftar dengan KPM dan juga berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN). Peruntukan ini diberikan kepada sekolah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan sahaja.

Peruntukan diagihkan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh KPM. Secara keseluruhannya sebanyak 67 buah sekolah agama persendirian yang berdaftar dengan KPM dan 213 sekolah yang berdaftar dengan PBAN telah diluluskan bagi pengagihan peruntukan ini.

Sebanyak RM12 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Walau bagaimanapun, bantuan ini disalurkan terus oleh kepada SMPC tanpa melalui KPM.